




Praktis Ekstra Bab 2

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (X) pada yang **salah** tentang asas pembentukan perlembagaan.

- (a) Sebelum kedatangan British, negara diperintah oleh golongan bangsawan yang memerintah berdasarkan undang-undang digubal. ☐
- (b) Undang-undang Kesultanan Melayu Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang adat di negeri-negeri Melayu yang lain. ☐
- (c) British memperkenalkan undang-undang dari England, iaitu Charter of Justice di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. ☐
- (d) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berasaskan model Westminster dan berkuat kuasa pada 31 Ogos 1957. ☐
- (e) Raja mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah. ☐
- (f) Pilihan Raya Persekutuan memilih menteri bagi membentuk Kerajaan Persekutuan dan Pilihan Raya Daerah memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri. ☐

2. Lengkapkan rajah di bawah.



3. Gariskan jawapan yang **betul** tentang pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965.

- (a) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1957 / 1960) dipinda selepas pembentukan Malaysia.
- (b) Pindaan 1963 dilakukan dengan cara memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesuaikan dengan (keperluan semasa / desakan British).
- (c) Terdapat tiga perkara utama pindaan 1963, iaitu struktur Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo dan jawatan (Perdana Menteri / Yang di-Pertua Negeri).
- (d) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi (Amerika / England) yang terbahagi kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan.
- (e) Jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan berpusat di (Kuching / Sibul), Sarawak pada tahun 1963 dan menjelang tahun 1994, nama jawatan diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.
- (f) Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh (Yang di-Pertuan Agong / Perdana Menteri).
- (g) Mengikut perlembagaan, Yang di-Pertua Negeri menjalankan tugas mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan (Majlis Undangan / Kabinet Negeri) bagi Sabah.
- (h) Pindaan (Singapura / Malaya) diusulkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra selaku Perdana Menteri Malaysia pertama di Parlimen pada 7 Ogos 1965.
- (i) Parlimen meluluskan usul yang membolehkan Singapura (masuk / keluar) dari Malaysia yang menyebabkan semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia.
- (j) Antara perkara berkaitan dengan Singapura yang dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia ialah dari segi imigresen, kewangan, hubungan luar negara dan (pertahanan / pendidikan).